## Mohd Azrin bin Che Meh lwn Pendakwa Raya

A

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO P-05–187 TAHUN 2008
ABDUL MALIK ISHAK, SULONG MATJERAIE DAN AZAHAR MOHAMED HHMR
26 SEPTEMBER 2011

B

C

*Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 302 — Bunuh — Perayu didakwa membunuh jiran perempuannya — Sama ada keterangan mengikut keadaan memadai untuk mensabitkan perayu — Sama ada keterangan DNA mencukupi untuk mensabitkan perayu — Sama ada kes prima facie dibuktikan di akhir kes pendakwaan — Sama ada tertuduh berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap pertuduhan*

D

*Undang-Undang Jenayah — Pembelaan — Tahap pembuktian — Pembelaan mesti menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan — Sama ada keraguan mesti timbul daripada keterangan yang dikemukakan atau kerana ketiadaan keterangan — Keraguan mesti mempunyai asas yang berpatutan dan tidak spekulatif*

E

F

Perayu telah didakwa bagi kesalahan membunuh seorang perempuan bernama Khadijah bt Abu Bakar ('si mati') di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK'). Menurut keterangan SP6 (teman lelaki si mati), pada lebih kurang waktu tengah malam pada 22 Mac 2002, beliau telah menghantar si mati pulang dari tempat kerjanya. Pada 23 Mac 2002, jam lebih kurang 12 tengah hari, seperti lazimnya, SP6 datang hendak menjemput si mati. Tetapi SP6 tidak dapat menjumpai si mati. Apabila SP6 melihat dari celah tingkap rumah si mati, SP6 ternampak seorang perempuan dalam keadaan terbaring. Dengan bantuan jiran si mati, SP6 berjaya memecah masuk dan mendapati si mati terbaring dengan berlumuran darah. Perayu telah memberi keterangan bahawa pada jam lebih kurang 12 tengah malam 22 Mac 2002, perayu telah terjaga dari tidur dan ternampak si mati balik bersama seorang lelaki. Menurut perayu, dia kemudian telah masuk ke bilik air dan ketika keluar dia telah terjatuh dan mengalami luka pada bahagian tiga jari di tangan kanan. Seterusnya, ketika dia sedang merawat kecederaannya, dia terdengar bunyi pertengkaran dan jeritan si mati dari rumah si mati. Menurut perayu lagi, dia telah kemudiannya masuk ke rumah si mati melalui pintu belakang dan ternampak si mati di ruang tamu dengan dipenuhi darah. Semasa perayu mengangkat dan meriba si mati, dia telah terdengar bunyi orang mengetuk pintu lalu telah terus balik ke rumahnya. Perayu menafikan yang dia bertanggungjawab terhadap kematian si mati. Di penutup perbicaraan, hakim bicara telah menolak pembelaan yang

G

H

I

dikemukakan oleh perayu. Perayu telah merayu terhadap sabitan dan hukuman atas alasan-alasan berikut: (i) bahawa keterangan mengikut keadaan yang disandarkan oleh pihak pendakwaan tidak memadai untuk mensabitkan perayu; (ii) kebolehterimaan keterangan DNA; dan (iii) bahawa hakim bicara telah khilaf dalam penghakimannya kerana menolak pembelaan perayu tanpa memberi sebarang penjelasan.

**Diputuskan**, menolak rayuan perayu:

(1) Dalam kes ini tiada saksi yang melihat bagaimana si mati dibunuh. Pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan mengikut keadaan (*circumstantial evidence*) untuk membuktikan bahawa perayu yang menyebabkan kecederaan yang menyebabkan kematian si mati. Kesemua keterangan ini hendaklah dilihat secara keseluruhan dan bukan secara berasingan (lihat perenggan 26).

(2) Keterangan DNA telah mengesahkan bahawa perayu berada di tempat kejadian di mana si mati telah dibunuh. Ini bermakna walaupun kes ini bergantung secara keseluruhan kepada keterangan ikut keadaan, keterangan secara keseluruhannya mengarah kepada fakta bahawa terdapat kes prima facie terhadap perayu. Keterangan DNA yang disandarkan oleh pihak pendakwaan adalah mencukupi sebagai asas untuk mensabitkan perayu (lihat perenggan 29–30).

(3) Tahap atau had di mana keterangan pembelaan itu harus dipertimbangkan oleh mahkamah adalah bergantung kepada fakta dan hal keadaan setiap satu kes serta isu-isu yang dibangkitkan. Pihak pembelaan mempunyai tugas untuk menimbulkan satu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Keraguan yang munasabah adalah satu keraguan yang timbul dari keterangan yang dikemukakan atau keraguan yang timbul di atas sebab ketiadaan keterangan. Keraguan yang munasabah mestilah mempunyai asas yang berpatutan dan tidak berunsurkan spekulatif. Ianya bukanlah keraguan yang berlaku kepada seseorang yang mempunyai minda yang teragak-agak (lihat perenggan 33).

(4) Hakim bicara dalam alasan penghakimannya telah menimbangkan dengan cermat dan berhati-hati pembelaan yang dikemukakan oleh perayu. Hakim bicara telah memperhalusi keterangan perayu mengenai tujuan dia masuk ke rumah si mati pada masa yang berkenaan kerana bimbang keselamatan si mati apabila mendengar jeritan si mati. Hakim bicara betul dalam memutuskan bahawa cerita perayu itu tidak munasabah. Diambil secara keseluruhan atau secara berasingan, kesahihan cerita perayu tidak munasabah dan didapati amat meragukan (lihat perenggan 34–36).

**[English summary**

The appellant was charged for the offence of murder of a woman, one Khadijah bt Abu Bakar ('deceased') under s 302 of the Penal Code ('the Code'). According to SP6's testimony (boyfriend of the deceased), at about midnight on 22 March 2002, he sent the deceased home from her workplace. On 23 March 2002, at approximately 12 noon, as usual, SP6 came to pick the deceased up. However, SP6 could not find the deceased. When SP6 saw from the slightly opened window of the deceased's house, SP6 saw a woman in lying position. With the help of the neighbor of the deceased, SP6 managed to break enter and found the deceased lying in pool of blood. The appellant testified that at approximately 12 midnight on 22 March 2002, the appellant was awakened from his sleep and saw the deceased returned with a man. According to the appellant, he had subsequently gone to the bathroom and when he came out he fell and injured his three fingers on his right hand. Further, while treating his injuries, he heard the sounds of arguments and the scream of the deceased from the house of the deceased. According to the appellant further, he had then gone to the house of the deceased via the back door and saw the deceased in the living room in pool of blood. When the appellant carried and put the deceased on his lap, he heard the sound of someone knocking the door and had gone straight to his house. The appellant denied that he was liable for the death of the deceased. At the end of the trial, the trial judge dismissed the defence presented by the appellant. The appellant appealed against the conviction and sentence on the following grounds: (i) that the circumstantial evidence which was relied upon by the prosecution was not sufficient to convict the appellant; (ii) the admissibility of the DNA evidence; and (iii) that the trial judge had erred in his judgment for dismissing the appellant's defence without any explanation.

**Held**, dismissing the appellant's appeal:

(1) In this case there was no witness who had seen how the deceased was murdered. The prosecution relied on the circumstantial evidence to establish that it was the appellant who had caused the injuries which caused the death of the deceased. All the evidence ought to be viewed in totality and not separately (see para 26).

(2) The DNA evidence confirmed that the appellant was at the place of the incident where the deceased was murdered. This meant that although the case was totally based on circumstantial evidence, the evidence as a whole pointed to the facts that there was prima facie case against the appellant. The DNA evidence relied on by the prosecution was sufficient as a basis to convict the appellant (see paras 29–30).

(3) The level or limit in which the defence evidence ought to be considered by the court depended on the facts and circumstances of a case as well as the issues raised. The defence had the duty of raising a reasonable doubt against the prosecution's case. The reasonable doubt is a doubt arising

from the evidence adduced or doubt which arise for reasons of lack of evidence. Reasonable doubt must have reasonable basis and should not be speculative in nature. It is not a doubt which happens to someone with fickle mind (see para 33).

(4) The trial judge in his grounds of judgment had considered carefully and attentively the defence presented by the appellant. The trial judge had evaluated the appellant's evidence as to the reason he entered the house of the deceased at the material time for being worried of the safety of the deceased upon hearing the deceased scream. The trial judge was correct in deciding that the appellant's story was not reasonable. Taken as a whole or separately, the truth of the appellant's story was not reasonable and it was found very doubtful (see paras 34–36). ]

**Nota-nota**

Untuk kes mengenai pembelaan secara am, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 810–813.

Untuk kes mengenai s 302 Kanun Keseksaan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 1698–1776.

**Kes-kes yang dirujuk**

*Balachandran v PP* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

*Low Kian Boon & Anor v PP* [2010] 4 MLJ 425; [2010] 5 CLJ 489, MP (dirujuk)

*Mat v PP* [1963] MLJ 263 (dirujuk)

*Mohamad Radhi bin Yaakob v PP* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 3 CLJ 2073, MA (dirujuk)

*PP v Saimin & Ors* [1972] 2 MLJ 16 (dirujuk)

*PP v Sanin Othman* [2011] 1 CLJ 626, MR (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Kanak-Kanak 2001 s 97(2)(b)

Kanun Acara Jenayah s 182A

Kanun Keseksaan s 302

*M Yunus Ali (Yunus Ali & Kam) bagi pihak perayu.*

*Tengku Amir Zaki Tengku Abdul Rahman (Timbalan Pendakwaraya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.*

**Azahar Mohamed HMR:**

**[1]** Mohd Azrin bin Che Meh ('perayu') telah didakwa dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang bagi kesalahan membunuh seorang perempuan bernama Khadijah bt Abu Bakar ('si mati') di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK').

**[2]** Di akhir kes pendakwaan, YA hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie dan oleh yang demikian perayu telah dilepaskan dan dibebaskan tanpa pembelaannya dipanggil.

**[3]** Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pihak pendakwaan telah memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan. Pada 3 Ogos 2008, panel Mahkamah Rayuan yang berkenaan telah membenarkan rayuan pihak pendakwaan. Panel Mahkamah Rayuan tersebut telah mengenepikan keputusan YA hakim bicara dan seterusnya memerintahkan perayu dipanggil untuk membela diri.

**[4]** Seterusnya, perayu telah mengemukakan pembelaannya di hadapan YA hakim bicara yang sama dengan memilih untuk memberi keterangan bersumpah. Di penutup perbicaraan, YA hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya sehingga tiada keraguan yang munasabah terhadap perayu. Oleh kerana sewaktu kejadian perayu berumur 16 tahun, maka perayu telah diperintahkan ditahan di penjara untuk satu tempoh yang diperkenankan oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di bawah s 97(2)(b) Akta Kanak-Kanak 2001.

**[5]** Kini, perayu pula merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan YA hakim bicara tersebut.

**[6]** Butir-butir pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 23 Mac 2002 jam lebih kurang 1.30 pagi hingga 5.30 pagi, di dalam rumah pangsa di No. 7-4-08, Mak Mandin Flat 1, Mak Mandin Butterworth, di dalam Daerah Seberang Perai Utara, di dalam Negeri Pulau Pinang dengan niat melakukan pembunuhan iaitu dengan menyebabkan kematian ke atas Khadijah bte Abu Bakar (KP No. 800119-07-5268) dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

FAKTA KES

**[7]** Fakta-fakta kes yang disandarkan oleh pihak pendakwaan telah diringkaskan oleh YA hakim bicara dalam alasan penghakiman di peringkat kes pendakwaan seperti berikut.

**[8]** Menurut keterangan WPC Rozita bt Shaari ('SP1'), pada 23 Mac 2002 jam lebih kurang 4 petang beliau telah menerima panggilan telefon dari seorang yang memberitahu ada satu mayat di alamat sepertimana dalam pertuduhan. Maklumat ini telah diberi oleh seorang bernama Zadrul Iswandy

Ariffin ('SP4'). SP4 telah membuat panggilan tersebut di atas permintaan Mohd Nazhan bin Mat Jaafar ('SP6') iaitu orang yang pertama menemui mayat si mati. SP6 adalah juga merupakan teman lelaki si mati.

**[9]** Setelah menerima panggilan tersebut, SP1 membuat laporan maklumat pertama (P4). SP1 kemudiannya telah memaklumkan kepada pegawai penyiasat bertugas, ASP Afzanizam bin Yahya ('SP17').

**[10]** Menurut SP6, pada malam sebelum tarikh kejadian lebih kurang waktu tengah malam, beliau ada menghantar si mati pulang dari tempat kerjanya di Megamall Pacific, Perai ke rumah si mati seperti di alamat yang dinyatakan dalam pertuduhan.

**[11]** Pada 23 Mac 2002, jam lebih kurang 12 tengah hari, seperti lazimnya, SP6 datang hendak menjemput si mati. SP6 tidak naik ke rumah si mati di tingkat empat, sebaliknya hanya menunggu di dalam keretanya di tingkat bawah rumah pangsa tersebut. Menurut SP6, setelah menunggu lebih kurang 10 minit, si mati masih tidak turun ke tingkat bawah. SP6 mengagak si mati telah pergi kerja dengan menaiki bas. Oleh sebab itu, SP6 telah pergi mencari si mati di kawasan stesen bas yang berhampiran tetapi masih tidak berjumpa dengan si mati.

**[12]** SP6 kemudiannya pergi pula ke tempat kerja si mati yang kebetulan berdekatan dengan pejabat SP6. Apabila rakan sekerja si mati bernama 'Nik' memberitahu SP6 bahawa si mati masih belum datang kerja, SP6 telah menelefon ibu si mati yang tinggal di Kampung Perlis. Setelah diberitahu oleh ibu si mati yang si mati tiada di Kampung Perlis (rumah ibu si mati), SP6 terus kembali ke rumah si mati.

**[13]** Setibanya di rumah si mati, SP6 mendapati pintu rumah berkunci tetapi pintu gril tidak berkunci. SP6 telah mengetuk pintu dan memanggil nama si mati tetapi tiada jawapan. Dari celah tingkap rumah si mati, SP6 nampak seorang perempuan dalam keadaan terbaring. Dengan bantuan jiran si mati SP4, SP6 berjaya memecah masuk dan mendapati si mati terbaring dengan berlumuran darah. SP4 dan SP6 melihat keadaan dalam ruang tamu itu berselerakkan serta melihat tilam, cadar, selimut, dinding dan lantai dipenuhi dengan percikan darah.

**[14]** SP4 atas permintaan SP6 telah telefon SP1 memberitahu penemuan ini. Selang beberapa ketika pihak polis sampai. Mayat si mati kemudiannya telah dibawa ke Hospital Seberang Jaya untuk di bedah siasat.

**[15]** Pada 24 Mac 2002, Dr Bhupinder Singh ('SP10') telah membuat bedah siasat ke atas si mati. SP10 mendapati si mati mengalami sekurang-kurangnya

139 kesan luka (*slash wounds*) di seluruh badan si mati (lihat laporan bedah siasat P46). SP10 mengesahkan kematian si mati adalah disebabkan 'multiple slash wounds'. Mayat si mati telah dicamkan oleh abang ipar si mati ('SP5') dan SP17.

**[16]** Sementara itu, beberapa barang kes seperti pakaian yang berlumuran darah, tilam, bantal, pakaian bersama-sama dengan sampel darah telah diambil dari tempat kejadian untuk dihantar bagi tujuan pemeriksaan dan analisa oleh Jabatan Kimia Pulau Pinang ('JKPP'). Antara barang kes ini termasuk *cotton swap* kesan darah yang diambil dari rumah bersebelahan rumah tempat kejadian. Daripada jumlah tersebut 25 barang kes termasuk sampel darah perayu telah dihantar ke Jabatan Kimia Petaling Jaya ('JKPJ') untuk analisa *deoxyribonucleic acid* (DNA).

PEMBELAAN PERAYU DI MAHKAMAH TINGGI

**[17]** Perayu telah memberi keterangan secara bersumpah. Intipati keterangan perayu adalah seperti berikut. Perayu tinggal bersebelahan dengan rumah si mati dan mempunyai hubungan yang baik dengan si mati yang dianggap seperti kakaknya. Pada jam lebih kurang 12 tengah malam 22 Mac 2002, perayu telah terjaga dari tidur. Dia telah pergi ke bahagian koridor di bahagian belakang rumahnya. Dari situ dia nampak si mati balik bersama seorang lelaki. Dia nampak kedua-dua mereka keluar dari kereta dan berbual-bual di luar kereta.

**[18]** Perayu kemudian telah masuk ke bilik air dan ketika keluar, menurut perayu dia telah terjatuh. Adalah cerita perayu sewaktu terjatuh dia telah berpaut kepada pintu zink sehingga menyebabkan pintu itu telah pecah di bahagian tepinya. Akibat dari itu, menurut perayu dia mengalami luka pada bahagian tiga jari di tangan kanan.

**[19]** Seterusnya, ketika dia sedang merawat kecederaannya di ruang tamu rumah, dia terdengar bunyi pertengkaran dan jeritan si mati dari rumah si mati yang dipisahkan oleh dinding setebal satu kaki.

**[20]** Akibat dari rasa bimbang, perayu telah mengambil keputusan masuk ke rumah si mati melalui pintu belakang rumah si mati yang tidak berkunci. Ketika melangkah masuk dia terdengar pintu depan rumah si mati ditutup orang. Dia telah memanggil nama si mati tetapi tiada jawapan. Apabila melangkah masuk dia nampak si mati di ruang tamu dengan dipenuhi darah.

**[21]** Menurut perayu dia kemudian mengangkat dan meriba si mati sambil memanggil namanya, namun tiada sebarang tindak balas. Ketika itu perayu menyatakan terdengar bunyi orang mengetuk pintu rumah si mati. Perayu

merasa panik dan takut dipersalahkan lalu terus balik ke rumahnya. Di rumahnya perayu telah pergi ke ruang tamu untuk merawat kecederaan tangannya sehingga tertidur. Dia hanya terjaga apabila ibunya mengejutnya pada jam 6 pagi. Apabila ditanya oleh ibunya tentang kecederaan yang dialami, perayu memberitahu yang beliau terjatuh dalam bilik air. Perayu kemudian di bawa ke hospital oleh bapanya.

**[22]** Perayu menafikan yang beliau bertanggungjawab terhadap kematian si mati.

KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI

**[23]** Di penutup perbicaraan, s 182A Kanun Acara Jenayah dengan jelas menggariskan bahawa mahkamah hendaklah menimbangkan kesemua keterangan yang dikemukakan sebelumnya dan hendaklah memastikan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya sehingga tiada keraguan munasabah (sila lihat *Public Prosecutor v Sanin Othman* [2011] 1 CLJ 626 dan *Low Kian Boon & Anor v Public Prosecutor* [2010] 4 MLJ 425; [2010] 5 CLJ 489). Keterangan yang dimaksudkan oleh s 182A termasuklah juga keterangan bersumpah perayu dalam kes ini.

**[24]** Setelah menimbangkan dengan teliti dan berhati-hati pembelaan yang dikemukakan oleh perayu, YA hakim bicara telah menolaknya. YA hakim bicara, antara lain, telah berkata:

> Apabila keterangan perayu diteliti dengan berlatarbelakangkan keterangan DNA, saya dapati cerita yang dikemukakan pembelaan adalah tidak munasabah dan tidak berkemungkinan benar. Oleh itu saya dapati pembelaan telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwa sebaliknya pihak pendakwa telah membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah.

RAYUAN PERAYU

**[25]** Di hadapan kami, peguam perayu telah mengemukakan alasan-alasan yang boleh kami rumuskan di bawah tiga tajuk utama sepertimana berikut:

(a) keterangan mengikut keadaan yang disandarkan oleh pihak pendakwaan tidak memadai untuk mensabitkan perayu;

(b) kebolehterimaan keterangan DNA; dan

(c) YA hakim bicara telah khilaf dalam penghakimannya kerana menolak pembelaan perayu tanpa memberi sebarang penjelasan.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

*Alasan pertama dan kedua: keterangan mengikut keadaan dan keterangan DNA*

**[26]** Oleh kerana alasan pertama dan kedua berkait rapat antara satu sama lain, kami membincangkan kedua-dua alasan tersebut bersekali. Memang benar dalam kes ini tiada saksi yang melihat bagaimana si mati dibunuh. Pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan mengikut keadaan (*circumstantial evidence*) untuk membuktikan bahawa perayu yang menyebabkan kecederaan yang menyebabkan kematian si mati. Kesemua keterangan ini hendaklah dilihat secara keseluruhan dan bukan secara berasingan. Dalam hubungan ini pihak pendakwaan bergantung kepada keputusan analisa DNA yang dijalankan oleh pakar DNA Lim Kong Boon ('SP8'). Hasil analisa semua barang kes yang berkaitan yang dijalankan oleh SP8 dapat dilihat dalam laporan P11 yang, antara lain, menunjukkan seperti berikut:

(1) The DNA profiles developed from blood stains on towel N4, pillow N19, nail clippings N27(b) and N27(c) matched each other and with that developed from blood stained specimen N27 (from Khatijah bt Abu Bakar), indicating that the DNA identified originated from the same source. The probability of a randomly selected unrelated individual having this matching DNA profile at the 15 loci is approximately 1 in 67 quintillion, as calculated based on the Malaysian Malay population database.

(2) The DNA profiles developed from the blood stains on curtain N2, mattress N6A, pillows N6B, N6C, bolster N6D, bed sheet N6E, jeans N8(a), N8(b), N8(c), N17, glove portions N9, NIO and T-shirt N21(b) matched each other and with that developed from blood specimen N28 (labeled Mohd Azrin Che Meh) indicating that the DNA identified originate from the same source. The probability of a randomly selected unrelated individual having this matching DNA profile at the 15 loci is approximately 1 in 51 quintillion as calculated based on the Malaysian Malay population database.

(3) The partial DNA profile (12 loci) developed from the blood stains on long pant N21(a) matched with that developed from blood specimen N28 (labeled Mohd Azrin Che Meh) indicating that the DNA identified originate from the same source.

(4) The DNA profile developed from the blood stains on rubber glove N12 revealed that they were mixed stains, consistent with having being contributed by the sources represented by blood stained specimen N27(a) (from Khatijah bt Abu Bakar) and blood specimen N28 (labeled Mohd Azrin Che Meh). The probability of a randomly selected unrelated individual having a DNA profile that is consistent with being one of the contributor at the 15 loci is approximately 1 in 330 million, as calculated based on the Malaysian Malay population database.

**[27]** Perlu dinyatakan di sini bahawa di akhir kes pendakwaan, YA hakim bicara telah menolak keterangan berkaitan analisa DNA tersebut kerana, antara lain, pengendalian barang kes dari ia mula dikutip hingga dihantar kepada SP8 untuk dibuat analisa adalah tidak memuaskan dan oleh itu ia tidak mempunyai apa-apa nilai keterangan.

**[28]** Pada pandangan kami, panel Mahkamah Rayuan yang telah membenarkan rayuan pihak pendakwaan pada 3 Ogos 2008 telah menerima keterangan berkaitan analisa DNA tersebut apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu. Ini diakui sendiri oleh YA hakim bicara dalam penghakimannya di akhir kes pembelaan seperti berikut:

> ... Mahkamah Rayuan telah mendapati pihak pendakwa telah berjaya membuktikan satu kes prima facie. Ini bermakna keterangan keputusan DNA yang telah saya tolak di akhir kes pendakwaan, kini menjadi sebahagian dan keterangan yang telah dibuktikan oleh pihak pendakwa. Oleh itu penilaian atas keterangan pembelaan pada peringkat ini perlu mengambil kira keadaan ini.

**[29]** Keterangan DNA ini mengesahkan bahawa perayu berada di tempat kejadian di mana si mati telah dibunuh. Ini bermakna walaupun kes ini bergantung secara keseluruhan kepada keterangan ikut keadaan, panel Mahkamah Rayuan yang berkenaan berpuas hati bahawa keterangan secara keseluruhannya mengarah kepada fakta bahawa terdapat kes prima facie terhadap perayu. Tiada sebab untuk kami mempertikaikan keputusan panel Mahkamah Rayuan tersebut.

**[30]** Oleh yang demikian kami menolak hujah peguam perayu bahawa keterangan DNA dalam kes ini tidak boleh diterima. Kami juga berpendapat bahawa sejajar dengan keputusan panel mahkamah ini pada 3 Ogos 2008, keterangan DNA yang disandarkan oleh pihak pendakwaan adalah mencukupi sebagai asas untuk mensabitkan perayu.

*Alasan ketiga: YA hakim bicara telah khilaf kerana menolak pembelaan perayu tanpa memberi sebarang penjelasan*

**[31]** Peguam perayu telah berhujah bahawa YA hakim bicara tidak memberi alasan apabila menolak pembelaan perayu. Kami mendapati hujahan ini tidak mempunyai merit.

**[32]** Sepertimana yang kami nyatakan sebentar tadi, panel Mahkamah Rayuan telah memutuskan pada 3 Ogos 2008 bahawa terdapat kes prima facie terhadap perayu. Maka menjadi tanggungjawab perayu untuk menyangkal kes pendakwaan. Ini mesti bermakna, perayu boleh disabitkan atas keterangan

prima facie tersebut sekiranya perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Dalam hubungan ini Mahkamah Persekutuaan dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 di ms 99 ada menyatakan:

> A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal. The phrase 'prima facie case' is defined in similar terms in *Mozley and Whiteley's Law Dictionary*, (11th Ed) as:
>
> > A litigating party is said to have a prima facie case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponent to be called on to answer it. A prima facie case, then, is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side.
>
> The result is that the force of the evidence adduced must be such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts exist or did happen.
>
> ...
>
> As the accused can be convicted on the prima facie evidence it must have reached a standard which is capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt.

**[33]** Dalam menimbangkan persoalan sama ada pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan munasabah, kami berpendapat bahawa tahap atau had di mana keterangan pembelaan itu hams dipertimbangkan oleh mahkamah adalah bergantung kepada fakta dan hal keadaan setiap satu kes serta isu-isu yang dibangkitkan. Pihak pembelaan mempunyai tugas untuk menimbulkan satu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Ini bermaksud bukan tanggungjawab pihak pembelaan untuk memastikan bahawa mahkamah mempercayai keterangannya (sila lihat *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263). Keraguan yang munasabah adalah satu keraguan yang timbul dari keterangan yang dikemukakan atau keraguan yang timbul di atas sebab ketiadaan keterangan. Keraguan yang dimaksudkan ialah 'keraguan yang munasabah' dan bukan 'fanciful doubts'. Keraguan yang munasabah bukanlah satu 'imaginary doubt' atau sesuatu yang bersifat spekulatif yang tiada hubungkait kepada keterangan (sila rujuk *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1972] 2 MLJ 16). Keraguan yang dimaksudkan adalah keraguan orang yang waras (*reasonable man*). Keraguan yang munasabah mestilah mempunyai asas yang berpatutan dan tidak berunsurkan spekulatif. Ianya bukanlah keraguan yang berlaku kepada seseorang yang mempunyai minda yang teragak-agak (*wavering mind*).

**[34]** Berbalik kepada rayuan di hadapan kami, kami mendapati YA hakim bicara dalam alasan penghakimannya telah menimbangkan dengan cermat dan berhati-hati pembelaan yang dikemukakan oleh perayu yang diberi secara

bersumpah. YA hakim bicara telah memeperhalusi keterangan perayu mengenai tujuan dia masuk ke rumah si mati pada masa yang berkenaan kerana bimbang keselamatan si mati apabila mendengar jeritan si mati. YA hakim bicara telah menolak cerita perayu dengan memberi alasan yang berikut:

> PKK mendakwa pada malam itu dia masuk ke rumah si mati kerana bimbang keselamatan si mati bila mendengar si mati menjerit bila dia mendapati si mati tidak bernyawa dia berasa takut ia dipersalahkan. Dia keluar dan rumah si mati dan balik ke rumahnya. Yang tidak munasabahnya ialah, semasa disoal balas PKK mengakui bahawa beliau tidak pernah memberitahu sesiapa, sama ada ibu bapa, pihak hospital mahupun pihak polis tentang kejadian ini sebagaimana versi yang dikemukakan olehnya di mahkamah. Dia tidak langsung memberitahu kedua ibu bapanya yang sedang tidur di rumah tersebut ketika itu sebaliknya hanya merawat tangannya yang tercedera dan kemudian tidur di ruang tamu rumahnya. Pada keesokan harinya bila dikejut oleh emaknya dia masih tidak memberitahu kedua ibu bapanya bahawa si mati yang kononnya dianggap sebagai kakaknya itu sudah mati dan mayatnya ada terbaring dalam rumah di sebelah rumahnya.

**[35]** Dalam konteks kes ini, kami berpendapat YA hakim betul dalam memutuskan bahawa cerita perayu itu tidak munasabah. Adalah amat sukar untuk mempercayai cerita perayu kerana sekiranya benar dia takut dipersalahkan atas kematian si mati dan dia terlibat dengan pembunuhan tersebut maka sudah tentu dia akan memaklumkan perkara tersebut dengan secepat mungkin kepada sesiapa termasuk terutamanya ibu bapanya atau pihak polis. Memang benar perilaku dengan sendirinya bukanlah merupakan kriteria untuk menilai kebolehpercayaan seseorang. Namun, perilaku perayu berdiam diri dalam konteks fakta dan keadaan kes ini memperlihatkan bahawa perayu cuba menyembunyikan sesuatu perkara yang mana dia sendiri terlibat secara langsung dengan pembunuhan ke atas si mati. Melihat kesemua keterangan secara keseluruhan, perilaku perayu berdiam diri dalam hal keadaan kes ini merupakan tanda-tanda orang yang bersalah. Justeru itu, kami berpendapat tidak terdapat sebarang salah arahan di pihak YA hakim bicara berkaitan dapatan yang dibuat beliau berkaitan dengan perkara ini.

**[36]** Diambil secara keseluruhan atau secara berasingan, oleh kerana kesahihan cerita perayu ini tidak munasabah dan didapati amat meragukan, maka seluruh keterangan perayu semestinya dipertimbangkan dan diperhalusi dengan penuh teliti dan berhati-hati. Sejajar dengan pendekatan ini, kami berpendapat YA hakim bicara telah menilai dengan secukupnya cerita perayu mengenai perkara ini. YA hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betui apabila menolak cerita perayu bahawa tangannya terluka akibat terjatuh di bilik air di rumahnya. Keputusan ini adalah berdasarkan keterangan sepertimana yang dinyatakan oleh YA hakim bicara:

Keterangan ahli kimia menunjukkan P22(B) 1 dan P23B adalah 'complimentary fit with glove in N12' ia itu P25 (b). Ketiga-tiga eksibit ini disahkan terdapat kesan darah yang mempunyai DNA kepunyaan PKK. Kesemua eksibit ini ditemui di rumah si mati. Ini menunjukkan PKK sebenarnya telah memakai glove tersebut dan mengalami kecederaan dijari ketika di rumah si mati.

**[37]** Sewaktu memberi keterangan, perayu juga menyatakan seperti berikut:

Saya masuk rumah Khatijah.

Saya masuk melalui pintu belakang rumah Khatijah. Pintu belakang rumah Khatijah tidak berkunci.

Bila buka pintu saya dengar pintu depan ditutup.

Saya panggil nama Khatijah, tiada jawapan. Saya nampak Khatijah di ruang tamu. Kawasan itu penuh dengan darah di ruang tamu. Saya hampiri Khatijah.

Saya angkat dan riba Khatijah. Saya panggil lagi Khatijah. Tiada tindak balas dari Khatijah. Bila sampai, dia dalam separuh bogel. Berbaju tapi tidak berseluar.

**[38]** Kami bersetuju dengan dapatan YA hakim bicara bahawa cerita perayu yang dia meriba si mati langsung tidak boleh diterima. Keterangan menunjukkan bahawa pakaian perayu yang dirampas oleh pihak polis disahkan hanya mempunyai kesan darah perayu sahaja. Sekiranya perayu bercakap benar bahawa dia ada memangku si mati seperti didakwa, sudah semestinya kesan darah si mati juga akan ditemui pada ekshibit ini memandangkan muka si mati yang dipenuhi dengan darah akibat tikaman yang berjumlah tidak lebih dari 35 tikaman.

**[39]** Dengan yang demikian hujah peguam perayu bahawa YA hakim bicara telah khilaf dalam penghakimannya kerana menolak pembelaan perayu tanpa memberi sebarang penjelasan adalah tidak mempunyai merit.

**[40]** Adalah merupakan satu prinsip undang-undang yang jelas bahawa tugas pembelaan adalah untuk membangkitkan apa-apa keraguan terhadap kes pendakwaan. Di dalam menimbangkan pembelaan perayu, mahkamah tidak perlu mempercayai keterangan perayu sepenuhnya untuk membolehkan perayu dilepaskan. Perayu hanya perlu menimbulkan satu keraguan yang munasabah (sila lihat *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 3 CLJ 2073). Setelah meneliti alasan penghakiman YA hakim bicara, kami mendapati beliau telah menggunapakai prinsip-prinsip yang betul sepertimana beliau berkata seperti berikut:

Berdasarkan alasan di atas saya dapati cerita PKK tidak munasabah dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan terhadap kes pendakwa. Dengan mengambil kira keterangan DNA saya dapati pihak pendakwa telah membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah.

**[41]** Kami telah menimbangkan dan memperhalusi dengan teliti segala keterangan yang terkandung di dalam rekod rayuan, penghakiman YA hakim bicara serta juga semua isu yang dikemukakan oleh peguam perayu dalam rayuan ini. Kami mendapati bahawa YA hakim bicara telah mempertimbangkan segala pembelaan secukupnya. Pihak perayu tidak dapat menunjukkan YA hakim bicara telah melakukan kesilapan atau salah arah dari segi fakta atau dalam undang-undang.

**[42]** Berdasarkan kepada semua alasan yang telah kami huraikan sebentar tadi, kami memutuskan dengan sebulat suara bahawa keputusan yang dibuat oleh YA hakim bicara adalah betul dan kami berpuas hati bahawa sabitan dan hukuman mati terhadap perayu adalah selamat. Adalah jelas bahawa keseluruhan keterangan menunjukkan hanya perayu sahaja bersama si mati dan tidak mungkin wujudnya pihak ketiga di tempat kejadian pada masa si mati dibunuh. Kami berpendapat cerita perayu wajar ditolak sama sekali sebagai cerita yang direka cipta dan pembohongan dalam keadaan perayu terdesak membuat pembelaan. Tiada keraguan munasabah wujud mengenai kebersalahan perayu dalam kes ini. Kami tidak nampak bahawa keputusan yang dibuat oleh YA hakim bicara telah menyebabkan salah laksana keadilan.

**[43]** Pada keseluruhannya, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan melampaui batasan keraguan yang munasabah di atas pertuduhan terhadap perayu. Sewajarnya perayu didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan yang berkenaan.

**[44]** Dengan yang demikian, kami menolak rayuan perayu.

*Rayuan perayu ditolak.*

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum